



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
وَتَشْرِيفَتِي إِسْلَامًا إِنِّي إِذَا رَجَعْنَا مِلَّةِنَا

KESAN PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN  
KEATAS HADHANAH DAN HARTA SEPENCARIAN  
MENURUT HUKUM SYARAK DAN UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ISLAM DI  
MALAYSIA

MOHAMAD, SHAKIR BIN ABDUL HAMID

LATIHAN KERJA KURSUS INI DIKEMUKAKAN  
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

FAKULTI UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
PETALING JAYA  
1992

## KANDUNGAN

PENGAKUAN	.....	i
PENGHARGAAN	.....	ii
SINOPSIS	.....	iv
SENARAI KES	.....	v
BAB 1	: SYARIAT ISLAM TERHADAP HUBUNGAN KEKELUARGAAN.	1
1.1.	Pengenalan.	1
1.2.	Syariat Perkahwinan Dalam Islam.	2
1.3.	Syariat Islam Terhadap Hubungan Suami Isteri dan Anak-anak.	7
1.4.	Syariat Perceraian Dalam Islam.	11
BAB 2	: KONSEP ANAK DAN HARTA DALAM ISLAM.	15
2.1.	Konsep Anak.	15
2.1.1.	Tanggungjawab Mendidik Anak.	17
2.1.2.	Tanggungjawab Memberi Nafkah.	21
2.2.	Konsep Harta.	23
2.2.1.	Pengertian Harta.	25
2.2.2.	Gesaan Untuk Mencari Harta.	28
BAB 3	: KESAN PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN KE ATAS HADHANAH.	35
3.1.	Pengenalan.	35
3.2.	Definasi Hadhanah.	36
3.3.	Hukum Hadhanah.	38
3.4.	Pihak Yang Berhak Keatas Hadhanah.	39
3.5.	Syarat-syarat Hadhinah.	47
3.6.	Tempoh Hadhanah.	50
3.7.	Upah Hadhanah.	55

3.8.	Memindahkan Kanak-kanak.	57
3.9.	Hadhanah Menurut Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia.	59
3.9.1.	Orang-orang Yang Berhak Menjaga Kanak-Kanak.	62
3.9.2.	Penjagaan Anak-anak Tak Sahtaraf.	65
3.9.3.	Kelayakan-kelayakan Yang Perlu Untuk Penjagaan.	66
3.9.4.	Hilangnya Hak Penjagaan .	66
3.9.5.	Tempoh Penjagaan.	69
3.9.6.	Kuasa Mahkamah Untuk Membuat Perintah Mengenai Penjagaan.	71
3.9.7.	Perintah Tertakluk Kepada Syarat-Syarat.	73
3.9.8.	Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 Tidak Boleh Dipakai Jika Berlawanan Dengan Agama Islam.	74
BAB 4 :	KESAN-KESAN PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN TERHADAP HARTA SEPENCARIAN.	76
4.1.	Pendahuluan.	76
4.2.	Definasi Harta Sepencarian.	77
4.3.	Kedudukan Harta Sepencarian Dalam Adat Melayu.	78
4.4.	Kedudukan Urf dan Adat Sebagai Hukum Syarak.	83
4.5.	Peruntukan Harta Sepencarian Dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Di Malaysia.	86
4.5.1.	Kadar Yang Diperuntukkan.	90
4.5.2.	Perolehan Lain.	92
4.5.3.	Pihak-pihak Yang Boleh Menuntut.	93
4.5.4.	Tempoh Mendengar Tuntutan.	94
4.5.5.	Asas Anggapan.	97

4.6. Kaitan Harta Sepencarian Dengan Upah.	103
4.7. Kaitan Harta Sepencarian Dengan Harta. Syarikat.	108
4.7.1. Pengertian Syarikat.	109
4.7.2. Jenis-jenis Syarikat.	109
4.7.2.1. Syarikat al-Inan.	110
4.7.2.2. Syarikat al-Mufawadhah.	110
4.7.2.3. Syarikat al-Wujuh.	111
4.7.2.4. Syarikat al-Abdan/al-Amal al-Sana'i/al-Taqabul.	111
PENUTUP.	114
BIBLIOGRAFI.	

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya iktiraf.

Tarikh :

Saya yang benar.

( MOHAMAD SHAKIR BIN ABDUL HAMID )

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kepada Allah dengan izin dan hidayah-Nya, penulis telah dapat menyiapkan Latihan Kerja Kursus ini. PadaNya juga penulis memohonkan keredhaan dan kejayaan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih penulis hулurkan kepada Yang Berbahagia Ustaz Idris bin Omar, selaku penyelia yang telah membimbing penulis dalam menyiapkan Latihan Kerja Kursus ini yang bertajuk Kesan-kesan Perkahwinan dan Perceraian ke atas Hadhanah dan Harta Sepencarian, Menurut Pandangan Syarak dan Undang-undang Pentadbiran Islam Di Malaysia, dalam masa yang dikehendaki walaupun dalam serba kekurangan.

Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua para pensyarah Kulliyah Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, yang telah menunaikan segala amanah yang dipertanggungjawabkan, serta mencurahkan ilmu sepanjang dua tahun pengajian penulis di daerah ini. Begitu juga kepada semua kakitangan Universiti Islam Antarabangsa, yang telah memberi kerjasama yang menggalakkan.

Terima kasih juga dirakamkan kepada pihak Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Pusat Islam dan Perpustakaan Tun Seri Lanang, U.K.M., yang sudi meminjamkan buku-buku rujukan yang diperlukan untuk menyiapkan Latihan Kerja Kursus.

Sekalung terima kasih juga penulis ucapkan kepada Sawiah binti Othman, iaitu isteri penulis yang telah memberi dorongan dan semangat kepada penulis, serta anak kami, Mohamad Shamin dan Shamirah yang sentiasa menghiburkan kami di setiap saat dan

ketika. Tidak ketinggalan juga kepada Ayahanda Haji Abdul Hamid bin Ahmad dan Allahyarhamah Hajjah Meryam binti Haji Ahmad yang telah bersusah payah dan juga banyak mengorbankan masa, tenaga dan material dalam mendidik, mengasuh, membesar serta memberi pelajaran yang secukupnya kepada penulis. Didoakan semoga Allah akan sentiasa memberkati segala usaha dan penat lelah yang telah ditaburkan itu.

Akhirnya kepada semua sahabat seperjuangan yang meninggalkan kampus yang indah ini, terima kasih di atas segala bantuan sama ada yang berbentuk material dan spiritual. Selamat berjuang dan sampaikanlah walaupun satu ayat kepada masyarakat.

## SINOPSIS

Latihan kerja kursus ini merupakan satu kajian mengenai kesan-kesan perkahwinan dan perceraian di dalam Islam, khususnya berhubung dengan hadhanah dan harta sepencarian. Kajian ini adalah untuk meninjau tentang hukum hakam yang melibatkan masalah hadhanah dan harta sepencarian selepas berlakunya perceraian, menurut Syariat Islam dan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam masakini yang diamalkan di tiap-tiap negeri di Malaysia. Dalam penulisan ini penulis telah membahagikan kepada empat bab: Bab pertama, penulis telah menjelaskan syariat Islam terhadap hubungan kekeluargaan, khususnya dalam hubungan suami isteri dan anak-anak menurut pandangan Islam. Bab kedua pula penulis membincangkan masalah yang berhubung dengan anak dan harta, serta peranan kedua ibu bapa dalam melaksanakan tanggungjawab mendidik anak-anak dan mencari harta. Bab ketiga, seterusnya penulis menjelaskan secara terperinci berhubung dengan kesan perkahwinan dan perceraian ke atas hadhanah yang merangkumi definasi hadhanah, hukum hadhanah, pihak-pihak yang berhak ke atas hadhanah menurut syariat Islam dan Undang-undang Keluarga yang diamalkan di tiap-tiap negeri di Malaysia. Bab keempat, selanjutnya penulis menghuraikan tentang kedudukan harta sepencarian yang diamalkan dalam masyarakat Melayu serta peruntukan undang-undang yang berkaitan dengannya. Pada penutupnya adalah merupakan satu kesimpulan secara keseluruhan bagi kajian ini.



- v
18. Rahim lwn Sintah.  
( 1937 ), Malay Family Law, 114.
  19. Ramah lwn Laton.  
( 1922 ) 6, F.M.S.L.R., 128.
  20. Re Elang
  21. Roberts lwn Umni Kalthum.  
( 1966 ) 1, M.L.J., 163.
  22. Rokiah lwn Mohamed Idris.  
( 1989 ) J.H. 6 : 2. 332.
  23. Rogayah lwn Bujang.  
( 1989 ) 6, J.H. 332.
  24. Rusnani Bt. Mat Isa lwn Haji Marzuki bin Hj. Jaafar  
( 1990 ) 1. J.H. 98.
  25. Sepiah lwn Abdullah.  
( 1405 H ) J.H. 5 : 1. 69.
  26. Teh bt. Chik lwn Kelsom bt. Hj. Abbas  
( 1939 ) M.L.J., 289.
  27. Teh Rasim lwn Neman.  
( 1937 ) Malay Family Law, 25.
  28. Wan Mahatan lwn Haji Abdul Samad.  
( 1937 ) Malay Family Law, 25.
  29. Wan Nab lwn Jasin  
( 1937 ) 15/1. JMBRAS.
  29. Yang Chik bt. Hashim lwn Abdul Jamal bin Abdul Rahim.  
( 1409 ) J.H., 6 : 1. 146.
  30. Zaliha Bt. Zakaria lwn Rahmat.  
( 1987 ) 5, J.H., 332.
  31. Zubaidah Othman dan Mohd Nor bin Mohamad lwn Sofiah Binti  
Elam dan Johan Han Weiss Abdullah.

SENARAI KES

1. Abdul Aziz lwn Siti Aishah.  
( 1980 - 81 ) 1 J.H. 47.
2. Ahmad lwn Aishah.  
( 1980 ) 1 J.H. 55.
3. Anita binti Abdullah lwn Zainuddin bin Haji Ariffin.  
( 1404 H ) J.H. 4 : 1, 75.
4. Bidah lwn Abdul Ghani.  
( 1404 H ) J.H. 4 : 2, 225.
5. Boto bt. Taha lwn Jaafar bin Muhammad.  
( 1985 ) 2. M.L.J. 98.
6. Habsah bt. Mat lwn Abdullah bin Jusoh.  
( 1959 ) M.L.J. 60.
7. Hajjah Lijah lwn Fatimah binti Mat Diah.  
( 1950 ) M.L.J. 63.
8. Hajjah Sulong lwn Mamat.  
( 1952 ) 2 M.C. 291. ( 1403 H ) J.H. 3 : 2, 206.
9. Hajjah Ramah bt. Mat Darus lwn Alpha bt. Osman.  
( 1927 ) 4 F.M.S.L.R. 179.
10. Hajjah Saemah lwn Haji Sulaiman.  
( 1948 ) M.L.J. 108.
11. Jasin lwn Tiawan.  
( 1941 ) M.L.J. 297.
12. Laton lwn Ramah.  
( 1926 ) 6. F.M.S.L.R. 1979.
13. Mansor bin Che Nayan lwn Che Ah bt. Saad.  
( 1992 ) 1:2, J.H., 261.
14. Mariam lwn Mohamad Ariff.  
( 1971 ) 1, M.L.J. 265.
15. Marthiah lwn Ahmad Sulaiman.  
( 1987 ) 2, J.H. 335.
16. Nooranita Bt. Kamaruddin lwn Faiez Bin Yeop.  
( 1990 ) 1, J.H. 52.
17. Piah Bt. Said lwn Che Lah bin Awang.  
( 1983 ) 2, J.H. 220.

## BAB I

### SYARIAT ISLAM TERHADAP HUBUNGAN KEKELUARGAAN

#### 1.1 Pengenalan

Al-Qur'an al-Karim telah diturunkan oleh Allah Azza Wajalla dengan membawa syariat untuk dunia dan akhirat. Di dalamnya terkandung peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang mengatur hubungan manusia antara penciptanya dan hubungan manusia antara sesama mereka. Ianya memberikan kepada mereka beberapa perundangan yang mengatur urusan kehidupan individu di dalam unit-unit keluarga dan seluruh institusi kemasyarakatan dan politik. Ianya juga menjelaskan hak-hak dan kewajipan dalam bentuk yang dapat menjamin keadilan, keamanan dan keharmonian hidup.

Fungsi utama institusi keluarga dalam Islam adalah untuk menjamin wujudnya suasana di mana nilai-nilai Islam yang suci ini dapat tumbuh dan berkembang dalam jiwa dan peribadi setiap ahli keluarga. Menerusi institusi ini generasi muda diasuh, dididik dan dibentuk untuk memikul amanah dan tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi ini:

Dalam institusi kekeluargaan Islam, tiap-tiap hak dan tanggungjawab setiap ahli keluarga telah digariskan dengan sempurna, adil dan saksama untuk menjamin setiap ahli tidak terlepas dari menunaikan tanggungjawabnya dan mendapat haknya

masing-masing, serta suasana-suasana yang sihat seperti adanya perasaan kasih mengasihi, tolong menolong dan kerjasama antara satu sama lain, amatlah dititikberatkan.

Oleh itu fungsi keluarga ini amat penting difahami dan dihayati oleh semua masyarakat. Kehidupan berkeluarga ini tidak boleh dianggap sebagai hanya untuk memenuhi kehendak semulajadi manusia sahaja. Ia adalah satu perkara yang memerlukan perhatian dan perlaksanaan yang teliti untuk melahirkan ummat yang kuat dan stabil yang dapat menjalankan tugasnya sebagai umat pilihan yang berusaha secara berterusan untuk membawa sinar kebenaran kepada seluruh dunia.

1.2 Syariat Perkahwinan Dalam Islam

Islam telah menekankan kepentingan perkahwinan dan menguatkan perhubungan keluarga. Agama Islam juga turut menekankan bahawa perkahwinan adalah yang penting dan pertama sekali perkara ibadat. Sehubungan dengan itu Allah Taala telah berfirman:

يا ايها الناس اتقوا ربكم الذي خلقكم من نفس واحدة وخلق منها زوجها  
وبنت منها رجالا كثيرا ونساء. 1

Maksudnya:

Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri dan daripadanya Allah mencipta isterinya dan daripada keduanya Allah memperkembangbiakkan lelaki dan perempuan yang banyak.

---

<sup>1</sup> al-Qur'an, Surah al-Nisa', 4:1.

Menurut ajaran Islam lagi bahawa perkahwinan itu merupakan suatu ibadah yang merangkumi hubungan antara makhluk dan Allah s.w.t., kerana pihak isteri dan anak-anak telah diamanahkan kepada suami untuk dijaga, dididik dan memberi nafkah kepada mereka. Islam juga menganggap perkahwinan sebagai ibadah yang merangkumi hubungan manusia sesama manusia sebagai suatu sistem sosial yang teratur dan memastikan pengagihan tanggungjawab.<sup>1</sup>

Untuk tujuan agar sesuatu perkahwinan itu mencapai tujuannya, maka para fuqaha' lazimnya telah membahagikan keperluan utama bagi sesuatu perjanjian perkahwinan kepada rukun dan syariat yang tertentu bagi memastikan agar sesuatu perjanjian perkahwinan itu sah atau tidak.

Keharusan perkahwinan di dalam Islam telah dijelaskan oleh ayat-ayat al-Qur'an yang menerangkan fadilat-fadilatnya, sebagaimana firman Allah Taala:

هو الذي خلقكم من نفس واحدة وجعل منها زوجها يسكن  
اليها .<sup>2</sup>

Maksudnya:

Dia-lah yang menciptakan kamu dari diri yang satu dan daripadanya Dia menciptakan isterinya, agar dia merasa senang kepadanya.

Firman Allah lagi:

---

<sup>1</sup> Md. Hashim bin Yahya, Kebahagiaan Rumahtangga Muslim (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1986), hlm. 24.

<sup>2</sup> <sup>c</sup> al-Qur'an, Surah al-A raf, 7:189. ...

ومن آيته ان خلق لكم من انفسكم ازواجاً لتسكنوا اليها  
 وجعل بينكم مودةً ورحمةً ان في ذلك لايت لتقوم  
 بئفكرون<sup>1</sup>.

Maksudnya:

Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-ya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.

Firman Allah lagi:

والله جعل لكم من انفسكم ازواجاً وجعل من ازواجكم  
 نبيين ومهددةً ورزقكم من الطيبات<sup>2</sup>.

Maksudnya:

Allah menjadikan bagi kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri dan menjadikan bagimu dari isteri-isteri kamu itu, anak-anak dan cucu-cucu, dan memberimu rezeki dari yang baik-baik.

Oleh itu jelaslah bahawa dalam perkahwinan itu mengandungi erti kasih sayang kepada Allah, kerana perkahwinan itu merupakan hasil dari seluruh kasih sayang antara manusia satu sama lain. Perkahwinan secara langsung dapat dilihat sebagai satu prosedur untuk menghasilkan manusia hamba Allah yang diserahkan tugas ini kepada manusia sebagai khalifah-Nya. Perkahwinan juga adalah satu-satu jalan dalam sistem biasa dan lumrah bagi manusia untuk mendapatkan keturunan.

<sup>1</sup> al-Qur'an, Surah al-Rum, 30:21.

<sup>2</sup> al-Qur'an, Surah al-Nahl, 16:72.

Sehubungan dengan itu juga hendaklah antara manusia sesama manusia terdapat kerjasama yang berlandaskan, kenal-mengenal bagi memperbaiki suasana hidup bersama agar membawa kedamaian. Pangkal utama dari masalah kerjasama dan kenal mengenal ini dipimpin oleh taqwa. Dan taqwa itu membawa manusia dekat satu sama lainnya. Mendekatkan diri kepada manusia bererti mendekatkan diri kepada Allah.

Perkahwinan di dalam Islam bukanlah semata-mata untuk memuaskan nafsu syahwat sahaja, tetapi ianya lebih daripada itu dan ianya adalah merupakan satu ikatan yang kuat dan merangkumi segala aspek, sebagaimana firman Allah Ta'ala:

يا ايها الذين امنوا لا يحل لكم ان ترثوا النساء كرها ، ولا تعضلوهن  
 لتذهبوا ببعض ما اتيتموهن الا ان ياتين بفاحشة  
 مبينة ، وما شروهن بالمعروف فان كرهنهفن فعسى  
 ان تكرهوا شيئا ويجهل الله فيه خيرا كثيرا . ١

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mempusakai wanita dengan jalan paksa, dan janganlah kamu menyusahkan mereka kerana hendak mengambil kembali sebahagian dari apa yang telah kamu berikan kepadanya, terkecuali bila mereka melakukan pekerjaan keji yang nyata, dan bergaullah dengan mereka secara patut. Kemudian bila kamu tidak menyukai mereka (maka bersabarlah) kerana mungkin kamu tidak menyukai sesuatu, pada hal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak.

Selain daripada itu ajaran Islam juga telah menjelaskan tanggungjawab dan hak-hak yang patut dilaksanakan oleh pihak-

---

1  
 al-Qur'an, Surah al-Nisa, 9:12.

pihak dalam perkahwinan tersebut, sebagaimana firman Allah Ta'ala:

الرجال قوامون على النساء بما فضل الله بعضهم على بعض  
وبما آتقوا من أموالهم فالصالحات قانتات محتصات للمغيب  
بما حفظ الله 1.

Maksudnya:

Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita) dan kerana mereka (laki-laki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka. Sebab itu maka wanita yang saleh ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri di balik pembelakangan suaminya, oleh kerana Allah telah memelihara mereka.

Kesimpulannya perkahwinan ini diperlukan oleh seluruh masyarakat manusiawi yang beradab. Dan perkahwian itupun merupakan suatu landasan yang mengatur lembaga rumahtangga untuk menyusun masyarakat dan membentuk umat. Ikatan suami dan isteri dalam perkahwinan bukanlah semata-mata hubungan kelamin belaka, tetapi lebih jauh daripada itu iaitu menyusun rumahtangga yang menjadi impian seluruh masyarakat manusia. Hubungan yang memberi erti lebih besar ialah di mana hubungan itu membawa dan memberikan tanggungjawab. Hubungan kelamin dalam perkahwinan mempunyai tanggungjawab penuh, sebab hubungan kelamin itu sendiri dapat dilakukan tanpa perkahwinan dengan bermacam jalan. Dari sebab itu, maka perkahwinan itu merupakan satu ikatan lahir dan batin yang mempunyai rukun dan syarat serta tanggungjawab yang mesti ditunaikan.

---

<sup>1</sup>Al-Quran, Surah Al-Nisa', 4:39



### 1.3 Syariat Islam Terhadap Hubungan Suami Isteri dan Anak-anak

---

Seperti yang telah menyatakan bahawa Islam telah menekankan betapa pentingnya dan kewajipan menjaga hubungan perkahwinan, seperti yang disebutkan di dalam al-Qur'an, firman Allah Ta'ala:

يا ايها الناس اتقوا ربكم الذي خلقكم من نفس واحدة وخلق منها زوجها وبت منها رجلا كثيرا ونسأ وتقوا الله الذي نسأون به والارحام<sup>1</sup>.

Maksudnya:

Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan daripadanya, Allah menciptakan isterinya, dan daripada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya, kamu saling meminta satu sama lain dan (peliharalah) hubungan silaturrahim.

Firman Allah lagi:

واتوا النساء صدقاتهن نحلة فان طبن لكم عن شيء منه نفسا فكلوه منها ريبا<sup>2</sup>.

Maksudnya:

Berikanlah maskahwin (mahar) kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian dengan penuh kerelaan, kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebahagian dari maskahwin itu dengan senang hati, maka makanlah (ambillah)

---

<sup>1</sup> Al-Qur'an, Surah al-Nisa', 4:1.

<sup>2</sup> Ibid., 4:4.

pemberian itu sebagai (makanan) yang sedap lagi baik akibatnya.

Selain daripada itu suami dan isteri diperintahkan supaya hidup bersama di dalam keadaan aman dan hidup mesra dengan perasaan kasih sayang dan belas kasihan, sebagaimana firman Allah Ta'ala:

ومن آية ان خلق لكم من انفسكم ازوجا لتسكنوا اليها  
وجعل بينكم مودة ورحمة ان في ذلك لايت لقوم  
يتفكرون 1.

Maksudnya:

Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang.. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berikrar.

Justeru itu perhubungan suami isteri yang sangat rapat dan mesra, masing-masing disifatkan antara satu sama lain, sebagai pakaian yang melekat di badan yang dapat mengawal dan memelihara pemakainya. Firman Allah Ta'ala:

اجل لكم ليلة الصيام الرنت ان نساكم من لباسكم  
وانتم لباس لهن 2.

Maksudnya:

Dihalalkan bagi kamu pada malam hari puasa bercampur dengan isteri-isteri kamu, mereka itu adalah pakaian bagimu dan kamupun adalah pakaian bagi mereka.

1  
al-Qur'an, Surah al-Rum, 30:21.

2  
al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2:187.

Begitu juga dengan perhubungan jenis suami isteri adalah suci sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Qur'an oleh firman Allah Ta'ala:

نساؤكم حرث لكم فاتوهم تركم ان شئتم وتدمو لانفسكم<sup>1</sup>.

Maksudnya:

Isteri-isterimu adalah (seperti) tanah tempat kamu bercucuk tanam, maka datangilah tanah tempat bercucuk tanammu itu bagaimana saja kamu kehendaki.

Islam juga turut mengatakan tugas suami dan ayat, sebagaimana firman Allah:

يا أيها الذين امنوا قوا انفسكم واهليكم نارا<sup>2</sup>.

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka.

Selain daripada bapa, ibu atau seorang isteri juga mempunyai tanggungjawab yang perlu ditunaikan ke atas anaknya.

Firman Allah:

والولدت يررضعن اولدهنن هوليين كاسلين لمن اراد ان  
يتم الرضاعة<sup>3</sup>.

---

1  
al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2:223.

2  
al-Qur'an, Surah al-Tahrim, 66:6.

3  
al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2:233.

Maksudnya:

Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan.

Ajaran Islam juga turut menjelaskan mengenai hak pendapatan di kalangan suami isteri. Ini adalah penting kerana tanpa penentuan ini boleh menyebabkan berlakunya perselisihan faham di antara suami isteri. Firman Allah:

ولا تشنوا ما فضل الله بكم على بعض الرجال نسيب  
ما اكتسبوا وللنساء نسيب ما اكتسبن 1.

Maksudnya:

Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian yang lain (kerana) bagiorang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan bagi para wanita (pun) ada bahagian dari apa yang mereka usahakan.

Oleh itu jelaslah bahawa ajaran Islam telah menggariskan hak-hak dan kewajipan bagi setiap individu dalam anggota keluarga dengan adil dan saksama. Lelaki dan perempuan telah ditetapkan oleh Allah dengan tugas masing-masing. Pembahagian tugas antara suami isteri dalam rumahtangga seperti yang dijelaskan oleh ayat-ayat al-Qur'an itu adalah sesuai dengan fitrah semulajadi manusia itu sendiri. Allah telah melebihkan kaum lelaki dalam rupa kekuatan fizikal dan mental yang dengan itu mereka mampu bekerja keras dan memberikan perlindungan dan mempertahankan diri. Khususnya bagi keluarga dan umumnya untuk bangsa dan tanah air. Jadi mereka diwajibkan memberi nafkah dan di atas dasar itu

---

1

al-Qur'an, Surah al-Nisa', 4:32.

mereka diangkat sebagai pemimpin kaum wanita dan yang memegang kepemimpinan umum dan kepemimpinan khusus dalam rumahtangga.

Kaum lelaki berdasarkan kepada fitrahnya yang semulajadi, wajib melakukan pekerjaan di luar rumah dan ini berlaku dalam masyarakat yang berbudaya. Salah satu di antara fitrah itu adalah pengkhususan yang diberikan kepada wanita untuk hamil, menyusui, mengasuh dan mendidik anak-anak serta mengatur rumahtangga. Jadi Allah Ta'ala melebihkan darjat kaum lelaki atas wanita berdasarkan sistem fitrah yang semulajadi. Islam juga melarang mereka untuk saling beban membebani di antara satu dengan lain dengan tugas-tugas yang di luar kemampuan masing-masing.

#### 1.4 Syariat Perceraian Dalam Islam

Tidak semua perkahwinan dapat berjalan dengan baik. Ini adalah disebabkan kegagalan pihak-pihak dalam perkahwinan itu untuk menghayati semangat dan tujuan perkahwinan menurut lunas-lunas syarak. Sesungguhnya ajaran Islam menghendaki supaya kedua-dua suami isteri itu berhubung dengan cara yang baik dalam perkahwinan mereka. Al-Qur'an telah menunjukkan cara berhubung yang baik walaupun dalam keadaan yang tegang, agar dapat mengelakkan dari berlakunya perceraian. Namun begitu ini tidaklah bermakna bahawa agama Islam melarang perceraian sama sekali, kerana di dalam Islam juga turut memperuntukkan bagaimana sesuatu

perceraian itu dapat dilaksanakan menurut lunas-lunas yang ditetapkan oleh syarak. Perceraian walaupun merupakan sesuatu yang halal tetapi amat dibenci oleh Allah. Sabda Rasulullah s.a.w :

أَبْغَضَ الْحَلَالِ إِلَى اللَّهِ الطَّلَاقُ<sup>2</sup>.

Maksudnya:

Sebenci-benci perkara halal di sisi Allah ialah talaq.

Firman Allah Ta'ala:

فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَمَسْأَلٌ لَكُمْ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَجَعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا<sup>3</sup>.

Maksudnya:

Kemudian bila kamu tidak menyukai mereka. (maka bersabarlah) kerana mungkin kamu tidak menyukai sesuatu, padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak.

Dari ayat dan hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa Islam tidak membuka jalan yang seluas-luasnya kepada perceraian. Islam dalam mengatur cara-cara perceraian telah menganjurkan beberapa langkah untuk mengelakkan ranya dari berlaku. Contohnya dalam keadaan isteri nusyuz, Allah telah berfirman:

H. Idris Ahmad S.H. Bimbingan Hidup Suami Isteri (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1985), hlm. 57.

<sup>2</sup>

Abi Daud Sulayman bin al-As'at al-Sajustani al-Azdi.

Sunan Abi Daud, juz 2 (Beirut: Dar al-Fikr, 1979), hlm. 255.

<sup>3</sup>

al-Qur'an, Surah al-Nisa', 4:19.

Maksudnya :

Wanita-wanita yang kamu khawatiri nusyuznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah diri dari tempat tidur mereka, dan pukullah mereka, kemudian jika mereka mentaatimu maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya, sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.

Berdasarkan ayat ini dapatlah disimpulkan bahawa untuk sampai kepada tahap seseorang itu boleh menceraikan isterinya, dia mestilah melalui beberapa peringkat tindakan. Pertamanya, memberikan nasihat kepada si isteri, kedua berpisah tempat tidur. Ketiga memukul dengan tujuan untuk memperingatinya atau membetulkannya, bukan untuk menyakitinya. Keempat melantik hakim. Seterusnya baharulah perceraian itu dibolehkan sekiranya jalan-jalan ke arah perdamaian tidak dapat dicari lagi.

Apabila perdamaian tidak dapat dicari lagi maka satu jalan penyelesaian harus diambil untuk menyelesaikan permasalahan tersebut. Islam tidak memaksa kedua-dua suami isteri untuk terus hidup dalam keadaan yang sengsara kerana tidak menyukai antara satu sama lain dan kerana itulah Islam telah menganjurkan jalan keluar kepada kedua-duanya. Salah satu jalan yang dianjurkan oleh Islam ialah melalui talak atau perceraian. Kuasa ini ditentukan oleh syarak bagi seorang suami untuk membubarkan ikatan perkahwinan.

Selain daripada talak, terdapat juga perceraian melalui permohonan daripada pihak isteri yang disertai dengan 'iwad dan perceraian dengan cara ini dinamakan sebagai khulu' atau tebus talak. Selanjutnya mahkamah syariah atau qadi juga berhak untuk

melakukan fasakh ke atas suami isteri jika terdapat faktor-faktor yang difikirkan munasabah yang boleh menyebabkan berlakunya kerosakan ke atas perkahwinan tersebut.

Setelah berlakunya pembubaran perkahwinan maka beberapa perkara atau masalah yang diperselisihkan mula timbul. Antara perkara-perkara yang sering dipertikaikan selepas berlakunya pembubaran perkahwinan ialah masalah tuntutan nafkah isteri atau anak, hadhanah dan juga harta sepencarian. Masalah-masalah seperti ini jika tidak diselesaikan dengan segera, maka ianya boleh membawa kepada kesan yang lebih buruk lagi. Sewajarnya mahkamah syariah sebagai pengadilan tertinggi bagi undang-undang keluarga Islam di Malaysia bertindak tegas ke atas mereka yang ingkar mematuhi keputusan hakim-hakim atau qadi-qadi.